

Kayuhan Amal dekatkan anak muda dengan masjid

BATU PAHAT — Orang ramai disarankan memanfaatkan peranan masjid dengan pelbagai aktiviti dan program, selain memberi tumpuan hanya kepada aktiviti ibadat mahu pun program keagamaan semata-mata.

Exco Belia, Sukan, Kebudayaan dan Warisan, Datuk Zulkurnain Kamisan berkata, masjid bukan sahaja tempat tumpuan untuk beribadat namun ia sebenarnya berupaya menjadi lokasi bagi pengamalan pelbagai program sampingan yang lain.

Menurutnya, penglibatan Biro Rakan Muda Masjid Riyadhus Solihin dan Pemuda Kampung Pintas Puding menganjurkan Program Kayuhan Amal Jom Masjid, dilihat antara usaha murni yang wajar dipuji serta disifatkan sebagai satu program yang cukup berbeza.

“Saya berbangga dengan usaha diturjaldan dalam men-



Zulkurnain (tengah) bergambar bersama sebahagian peserta Kayuhan Amal Jom Masjid, di Masjid Riyadhus Solihin.

jayakan program ini. Ia antara aktiviti yang mampu menarik minat orang murni malahan turut dilihat sebagai medium untuk mengukuhkan perpaduan, aktiviti riasah dan sebagainya.

“Secara tidak langsung program ini berupaya mengerakkan hubungan dua hala antara golongan muda dengan jemaah masjid,” katanya semasa perasmian penutupan program itu.

Zulkurnain berkata, program sebegini juga dapat

menggabungkan minat anak muda yang suka beriadah, pada masa sama turut diselitkan dengan aktiviti keagamaan seperti tazkirah agama dan solat sunat Dua sebelum aktiviti kayuhan dimulakan.

“Dalam pada itu, golongan muda ini juga dapat berlongsong pandangan dengan jemaah masjid, termasuklah mengadakan aktiviti yang mampu menarik dan memupuk budaya generasi Y ini untuk kersip ke masjid.

“Saya berharap agar program yang telah menggabungkan konsep riadah dan dalam masa yang sama ‘membudayakan masjid’ ini akan dapat diteruskan pada masa yang mendatang,” katanya.

Program Kayuhan Amal Jom Masjid itu berjaya menarik minat sehingga 100 peserta, termasuklah pelajar dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang turut dihadiri oleh Pengurus Masjid Riyadhus Solihin, Salleh

Ismail.

Sementara itu, Salleh berkata, pihaknya sentiasa mengamalkan konsep ‘pintu terbuka’ untuk setiap anak muda di kawasan berkenaan mengadakan pelbagai aktiviti dalam masa yang sama melibatkan jumlah masjid berkenaan.

Katanya, dengan adanya program seperti ini, ia dapat melestarikan masjid dengan mengembalikan fungsi masjid yang pelbagai, dan bukan hanya untuk beribadat dan dihadiri

oleh golongan tertentu sahaja.

“Dengan itu kita akan dapat melihat masjid dapat berfungsi sepenuhnya, di mana ianya sebagai ‘platform’ untuk perpaduan, bekerjasama antara pelbagai peringkat umur dan seterusnya berjaya menarik minat anak muda ke masjid” katanya.

Dalam pada itu, program ini turut mendapat kerjasama daripada Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Sri Gading dan Kelab Basikal Awesome Boys Cycling Team (ABCT).